Bandaraya Johor Bahru pada masa hadapan terangkum dalam radius 30 kilometer dari Pusat Bandar Raya dalam Daerah Sentral. Lingkungan ini merangkumi Pasir Gudang di sebelah timur, Tanjung Pelepas di sebelah barat dan Kulai-Bukit Batu di bahagian utara. Gagasan perbandaran ini dikenali sebagai **Konurbasi Johor Bahru**.

Kawasan Lingkungan Konurbasi Johor Bahru

Memfokuskan pembangunan dalam kawasan **Konurbasi Johor Bahru** melalui pelaksanaan pembangunan yang telah ditetapkan, pembangunan 'infill', pembangunan semula, pengezonan semula ataupun penempatan semula.



ASAS KEPENDUDUKAN

Sasaran kependudukan seramai 2,219,429 orang menjelang tahun 2020, sasaran melibatkan peningkatan penduduk hampir 100% dari tahun 2000.

PBT	Bilangan Penduduk					KPPT (2000- 2020)
	2000	2005	2010	2015	2020	
MBJB	433,624	473,111	541,945	607,348	669,910	2.20
MPJBT	390,889	550,675	697,033	840,453	980,835	4.71
MPKu	121,235	200,584	234,004	266,198	297,196	4.59
PBTDJB	167,085	Melibatkan Pembesaran PBT (MPJBT, MPKu dan MPPG)				
PBTPG	46,245	173,751	225,730	259,834	271,488	9.25
JUMLAH	1,159,079	1,398,121	1,698,712	1,973,833	2,219,429	3.30


Sokongan Pencapaian Kependudukan:

- Kadar pelaksanaan pembangunan yang ditetapkan bagi Daerah Johor Bahru antara 30 – 50%.
- Tahap Pelaksanaan pembangunan yang ditetapkan bagi daerah Johor Bahru adalah 100%-pencapaian kependudukan adalah 4.4 juta.



Pusat bandar Johor Bahru


Kawasan Pembangunan Perbandaran – Konurbasi Johor Bahru



Flagship Pengantarabangsaan 1 : Daerah Sentral


Pembangunan Daerah Sentral sebagai *show-case city of Malaysia*. Projek-projek yang melambangkan imej dan keperibadian bangsa berasaskan kebudayaan kebangsaan:

- Pembangunan Pusat Membeli Belah Serantau, Pusat Kovensyen dan Bandaraya :
- Kompleks Imigresen, Kastam Dan Kuarantin, *Project masterpiece* :
 - Pembangunan Rimba Warisan.
 - Pembangunan waterfront seperti Teluk Danga, prasarana seni budaya dan lain-lain.
 - Kemudahan dan utiliti : pembinaan ruang besar pejalan kaki, ruang awam bandar, pembangunan sistem monorel, pengangkutan awam dan lain-lain.




Flagship Pengantarabangsaan 2 : Nusajaya

Pembangunan Nusajaya sebagai perbandaran futuristik akan direalisasikan melalui insentif oleh kerajaan persekutuan menarik lebih banyak syarikat multinasional beroperasi di Nusajaya. Cadangan kerajaan membangunkan pusat pentadbiran kerajaan negeri di kawasan ini akan menjadi pemangkin perkembangan dan pertumbuhan kawasan ini dan sekitarnya.




Flagship Pengantarabangsa 3 : Kulai – Senai

- Kulai - Senai diperkukuhkan melalui cadangan Hub Pengangkutan dan Pusat Logistik Serantau.
- Pembesaran lapangan terbang menjadi agenda bagi menarik lebih banyak syarikat penerbangan komersial dan kargo untuk beroperasi.
- Industri berkaitan dengan penerbangan akan digalakkan untuk beroperasi di kawasan ini.
- Pembangunan terminal JB Sentral 2 dicadangkan yang berperanan sebagai pusat pengagihan penumpang.




Flagship Pengantarabangsa 4 : Skudai – UTM

- Pembangunan ditumpukan kepada infrastruktur dan program untuk menjalankan usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan.
- Pembangunan sektor perumahan diberi keutamaan sebagai dormitory town kepada Johor Bahru.
- Pusat Bandar Skudai pula akan diperbesarkan meliputi kawasan pusat bandar sedia ada ke kawasan pembangunan sekitar Implan Mas.




Flagship Pengantarabangsaan 5 : Tanjung Pelepas

- Pelabuhan Tanjung Pelepas memacu pertumbuhan sektor perkhidmatan dalam mempercepatkan pencapaian hinterlandnya yang luas.
- Menjadi tarikan kepada syarikat multinasional untuk berpangkalan di sini sebagai pusat pengedaran serantau (Regional Distribution Hub).
- Tanjung Pelepas juga akan membantu pembangunan Pusat Logistik di Kulai - Senai dari segi pengurusan dan penghantaran antara kargo udara dan kargo laut.



Flagship Pengantarabangsaan 6 : Pasir Gudang

- Pusat industri berat negara akan terus diberi tumpuan dengan kegiatan industri berat termasuk industri petrokimia.
- Kawasan perindustrian Tanjung Langsung menawarkan tanah industri yang sangat sesuai untuk syarikat-syarikat tempatan mahupun pelabur luar beroperasi.
- Cadangan sistem perhubungan dan pengangkutan yang cekap dan berkualiti menjadi faktor penentu untuk Pasir Gudang terus mengekalkan peranan dan fungsinya sebagai kawasan perindustrian utama negara.



RANGKAIAN PENGANGKUTAN

Rangkaian pengangkutan yang cekap meliputi pembangunan lebuh raya, pembangunan pengangkutan awam serta pengangkutan air diutamakan.

Pembangunan Jalan Raya

Rangkaian perhubungan yang lebih cekap dengan cadangan Lebuh Raya baru yang ditetapkan iaitu :

- Lebuh Raya Senai-Desaru
- Lebuh Raya Johor Bahru-Pontian
- Lebuh Raya Gemas-Segamat-Kluang-Johor Bahru
- Lebuh Raya Laluan Terus Senai-Sentral
- Lebuh Raya Penghubung Timur (Eastern Dispersal Link)
- Lebuh Raya Johor Bahru-Kota Tinggi-Mersing.

Tiga jalan litar yang dicadangkan dalam Konurbasi iaitu :

- Jalan Litar Luar
- Jalan Litar Tengah
- Jalan Litar Dalam


Jalan Litar Tiram - Johor Jaya dicadangkan di Ulu Tiram.

Jalan Litar Skudai-Senai-Kulai dicadangkan di ketiga-tiga bandar tersebut sebagai alternatif Jalan Persekutuan 1.



Rangkaian Perhubungan dan Utiliti

Mewujudkan **rangkaian perhubungan, pengangkutan, infrastruktur dan ICT** ke atas semua flagship pembangunan serta perhubungan diperingkat serantau/wilayah.



CADANGAN PENGANGKUTAN REL

Sasaran penggunaan pengangkutan awam dan modal split 60:40 (persendirian / awam).

Pengangkutan rel sebagai mod pengangkutan utama di samping pengangkutan bas dan mod-mod lain.

Tiga jenis pengangkutan rel yang dicadangkan iaitu cadangan MRT yang menghubungkan :


- JB Sentral 1 ke JB Sentral 2
- JB Sentral 2 ke Nusajaya
- JB Sentral 1 ke Pasir Gudang.

Jajaran ini pula disokong melalui cadangan LRT yang menghubungkan :

- JB Sentral 1 ke Ulu Tiram
- JB Sentral 1 ke UTM
- Pasir Gudang ke Nusajaya.

Sistem Monorel pula akan beroperasi di Pusat Bandaraya Johor Bahru ke Teluk Danga.

Sistem pengangkutan rel laju (ERL) juga turut dicadangkan berpusat di JB Sentral 2.




CADANGAN PENGANGKUTAN AIR

Pengangkutan air turut dicadangkan sebagai salah satu kemudahan pelancongan dan jajaran pengangkutan air yang menyeluruh dan komprehensif hanya dijangka dapat beroperasi sepenuhnya sekiranya pembinaan jambatan bagi menggantikan Tambak Johor dapat direalisasikan.

CADANGAN TERMINAL PENGANGKUTAN AWAM BERSEPADU


Dicadangkan enam Terminal Pengangkutan Awam. Dua Terminal Pengangkutan utama yang bertindak sebagai mod utama ialah JB Sentral 1 yang terletak di Daerah Sentral dan JB Sentral 2 yang terletak di Senai. Ianya di sokong tiga Terminal Pengangkutan Awam iaitu Terminal Nusajaya, Terminal Pasir Gudang dan Terminal Ulu Tiram.



KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR (KSAS)

- Kawasan tanah tinggi (Hutan Simpan Gunung Pulai, Hutan Simpan Sedenak dan Hutan Simpan Bukit Batu) akan terus dipelihara dan dikekalkan.
- Hutan Bencah (wetland) di pesisiran Sungai Johor dan pesisiran Sungai Pulai akan terus dipelihara.
- Kawasan KSAS lain seperti kawasan tadahan air dan kawasan Empangan Sultan Iskandar terus dikekalkan dengan menghadkan pembangunan.

Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)



Projek-Projek Strategik Kajian RTD Johor Bahru.

Projek Strategik	Fasa Pelaksanaan
Pembangunan Jalan Lingkaran Tengah (Pasir Gudang - Seri Alam- Johor Jaya Desa Tebrau-Setia Indah-Impian Emas)	2005 - 2010
Pembangunan Jalan Lingkaran Dalam (Pasir Gudang - Permas Jaya - Bakar Batu - Kebun Teh – Danga Bay-Nusajaya)	2005 - 2010
Pembangunan Lebuhraya Senai-Desaru	2005 - 2010
Pembangunan Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri di Nusajaya	2005 - 2010
Pembangunan Kargo Hub di Senai	2011 - 2015
Pembesaran Lapangan Terbang Senai	2011 - 2015
Pembangunan Mini MSC di UTM	2011 - 2015
Pembangunan Kawasan Perindustrian Tg. Pelepas	2011 - 2015
Pembangunan Pelabuhan Tg. Langsung	2011 - 2015
Pembangunan Bukit Timbalan sebagai Muzium Negeri & lain-lain komponen kebudayaan	2011 - 2015
Perpindahan penjara ke BPK 8.1 bagi pembangunan Kota Budaya	2011 - 2015



Lebuhraya Senai - Desaru




Lapangan Terbang Senai




Muzium Tokoh Johor

Gunatanah Semasa Johor Bahru



Rangka Spatial Johor Bahru 2020





Bandar Johor Bahru



Bandar Johor Bahru



Pelabuhan Tanjung Pelepas



Lebuhraya Senai - Desaru

DAERAH MUAR (TERMASUK LEDANG) DALAM KONTEKS RANCANGAN STRUKTUR NEGERI JOHOR

Halatuju pembangunan Daerah Muar

“Pembangunan Daerah Muar sebagai destinasi pelancongan warisan Melayu, pelancongan agro-pusat rekreasi, pertanian, perikanan dan ternakan, perindustrian perkayuan dan produk kayu, industri barang binaan logam tekstil dengan infrastruktur dan utility yang berkualiti bagi pembangunan ekonomi yang mantap”.

Peranan Dan Penekanan Pembangunan

Daerah Muar diangka mempunyai penduduk seramai 461,024 orang dengan KDNK perkapita sebanyak RM 16,929 pada tahun 2020.

Petunjuk Penduduk Dan KDNK Daerah Muar-2020

Perkara	Tahun		
	2000	2010	2020
Unjuran Penduduk	348,622	398,766	461,024
Unjuran Gunatenaga	131,066	142,069	173,911
Unjuran KDNK Perkapita	RM10,514	RM13,197	RM16,929

Pembangunan Perbandaran Dan Petempatan Utama

Pembangunan perbandaran dan pusat petempatan utama di Daerah Muar merangkumi Bandar Maharani, Bandar Tangkak, Bukit Bakri, Bukit Pasir, Parit Jawa dan Pagoh. Pusat Pertumbuhan Kecil yang lain pula memainkan peranan sebagai penyokong pembangunan bagi pusat petempatan utama.

Cadangan Hierarki Pusat Petempatan Daerah Muar, 2020.

Hierarki Pusat Petempatan	Pusat Petempatan
Pusat Wilayah Negeri	Bandar Maharani
Pusat Separa Wilayah Negeri	Bandar Tangkak
Pusat Petempatan Utama	Bukit Gambir, Pagoh, Bukit Bakri
Pusat Petempatan Kecil	Parit Jawa, Bukit Pasir , Serom, Gerisek, Panchor, Bukit Kepong, Kebun Bahru, Bukit Kangkar, Sg. Mati, Semerah, Pekan Rawang, Lenga, Kundang Ulu dan Pagoh Jaya.

Pembangunan di Daerah Muar di jangka akan berkembang dengan pesat dengan sokongan projek-projek pembangunan komited seperti berikut :

- Pembangunan Muar *"Integrated Industry Furniture Town"* di Bukit Bakri.
- Pembangunan kawasan Akuakultur di Sungai Balang dan Seri Meranti.
- Ladang Tanaman Herba, Pagoh.
- Kolej Martikulasi, Tangkak 23.15 hektar.
- Pembangunan Perindustrian anggaran keluasan 747.83 hektar.
- Pembangunan Perlancongan di Kesang anggaran keluasan 959.92 hektar.
- Pembangunan Pelancongan di Tangkak 713.50 hektar.
- Pembangunan Perumahan di Bakri anggaran keluasan 342.58 hektar.
- Pembangunan Perumahan Tangkak di anggaran keluasan 212.58 hektar.

Pembangunan Perindustrian

Kawasan perindustrian utama Daerah Muar adalah tertumpu di kawasan perindustrian Pagoh, Bukit Bakri, Tangkak, Tanjung Agas, Bukit Pasir dan Parit Jamil. Industri-industri lain seperti industri pembuatan, kejuruteraan elektronik, industri logam asas, makanan dan minuman adalah sebagai sokongan kepada industri utama ini.

Pembangunan Pelancongan

Pembangunan pelancongan Daerah Muar adalah menekankan pembangunan Bandar Warisan Melayu berdasarkan kepada bilangan bangunan warisan yang terdapat di bandar tersebut. Kawasan pelancongan berdasarkan sumber semulajadi juga dapat menyokong pembangunan pelancongan daerah ini.

Tarikan Pelancongan Di Daerah Muar

Perkara	Keutamaan Produk Pelancongan
Mercu Tanda	Beca Raksaksa di Taman Rekreasi Kesang
Warisan	Bukit Kepong, Lenga, Pagoh, Bakri, Masjid Jamek Sultan Ibrahim, Masjid Jamek Kedua, Jambatan Sultan Ismail, Bangunan Jabatan Kastam Di Raja, Bangunan Mahkamah Tinggi, Bangunan Sultan Abu Bakar, Rumah Kedai Pra-Perang Jalan Maharani, Rumah Belanda di Jalan Othman.
Rekreasi	Gunung Ledang, Tmn. Rekreasi Tanjung Emas, Tanjung Ketapang & Kesang, Golf, Ox-Bowl Lake, Gresik Hot Spring.
Makanan Laut	Makanan Laut dan Masakan Asam Pedas di Tanjung Emas dan Parit Jawa.
Membeli Belah	Bandar Tangkak sebagai pusat menjual tekstil dan baju yang murah.

DATA-DATA ASAS RANCANGAN TEMPATAN DAERAH MUAR (TERMASUK LEDANG)

PROFIL DAERAH

Keluasan Daerah : 236,680.190 hektar
 : 12.4 % dari keluasan Negeri Johor

Bilangan Mukim : 20 Mukim

Keluasan Mukim

Lenga : 29115.52 hektar
 Bukit Kepong : 25772.01 hektar
 Sungai Balang : 9873.20 hektar
 Sri Menanti : 9231.21 hektar
 Parit Jawa : 7090.60 hektar
 Ayer Hitam : 11754.07 hektar
 Jorak : 26535.08 hektar
 Maharani : 1225.34 hektar
 Bandar 1 : 1889.24 hektar
 Jalan Bakri : 5182.95 hektar
 Parit Bakar : 4021.49 hektar
 Sungai Terap : 2124.92 hektar
 Sungai raya : 3949.67 hektar
 Kundang : 5807.96 hektar
 Tangkak : 38151.36 hektar
 Kesang : 3860.59 hektar
 Bandar 2 : 1089.09 hektar
 Serom : 11838.46 hektar
 Gerisek : 187.97.46 hektar
 Bukit Serampang : 19369.17 hektar

Blok Perancangan RTD Muar

BP 1- Bandar Maharani hingga Kesang : 23,615.723 hektar
 BP 2 – Sungai Balang hingga Parit Jawa : 25,839.723 hektar
 BP 3 – Air Hitam hingga Bukit Kepong : 88,116.562 hektar
 BP 4 – Bukit Serampang hingga Gunung Ledang : 74,486.098 hektar
 BP 5 – Serom dan Kundang : 16,722.192 hektar
 BP 6 – Bandar Tangkak : 7,900.000 hektar

Majlis Perbandaran Muar(MPM) : 133,711.31 hektar
 Majlis Daerah Tangkak(MDT) : 102,968.88 hektar

Kawasan	Keluasan	Peratus (%)
Majlis Perbandaran Muar	137,571.900	58.13 %
Majlis Daerah Tangkak	13,562.000	5.73 %
PBPTDM	85,546.290	36.14%
JUMLAH	236,680.190	100 %

Sumber: Draf RTD Muar , 2002 -2015 (Penggubahan)

PENDUDUK

Jumlah Penduduk Tahun 2010	:	226,104 orang
Unjuran Penduduk Tahun 2020	:	461,024 orang
Unjuran Gunatenaga	:	173,911 orang
		Tahun 2020
Unjuran KDNK PerKapita	:	RM 16,929
		Tahun 2020

Penduduk Mengikut Kumpulan Umur Tahun 2015

Umur 14 Tahun Ke Bawah	:	106163 orang
Umur 15 – 64 Tahun	:	266401 orang
Umur 65 ke Atas	:	27715 orang

Kadar Pertumbuhan	:	1.29%
Kadar Perbandaran	:	46.31%

GUNATANAH SEMASA

Kediaman	:	5,936.552 hektar
Industri	:	811.457 hektar
Perdagangan/Perniagaan	:	466.018 hektar
Institusi/Kem. Masyarakat	:	2,225.346 hektar
Tanah Lapang/Rekreasi	:	491.230 hektar
Infrastruktur/Utiliti	:	697.844 hektar
Pertanian/Penternakan/ Akuakultur	:	166,961.587 hektar
Pengangkutan/Jalan	:	10,039.149 hektar

Badan Air/Pantai	:	5,988.285 hektar
Semak Belukar/Tanah Kosong	:	126.321 hektar
Hutan Simpan Kekal	:	42,936.401 hektar

PEMBANGUNAN KOMITED

Kediaman	:	196.97 hektar
Pbgn. Bercampur	:	822.06hektar
Industri	:	830.79 hektar
Institusi/Kem. Masyarakat	:	23.15 hektar
Perdagangan	:	466.018 hektar
Pertanian	:	166,961.587 hektar

KEMUDAHAN AWAM

Pendidikan

PPTS	:	2 buah
Sek. Rendah /		
Sek. Rendah Agama	:	272 buah
Sek. Menengah	:	41 buah
Tadika	:	168 buah
Perpustakaan/Pusat IT	:	21 buah

Kesihatan

Hospital	:	3 buah
Pusat Kesihatan	:	18 buah
Klinik Kesihatan	:	75 buah

Keselamatan

Pondok Polis	:	14 buah
Balai Polis	:	15 buah
Balai Bomba	:	2 buah

Keagamaan

Surau	:	420 buah
Masjid	:	141 buah
Tokong/Kuil	:	116 buah

Sukan/Rekreasi

Balai raya	:	194 buah
Dewan Orang Ramai	:	13 buah

Tanah Perkuburan (Hektar)

Kubur Islam	:	176 buah
Kubur Bukan Islam	:	14 buah


RANCANGAN TEMPATAN DAERAH MUAR, 2002 - 2015

Menjadikan Daerah Muar sebagai tumpuan utama pelancongan (sungai, gunung dan sumberjaya warisan), sektor perindustrian dan pertanian sebagai penggerak ekonomi yang lebih mantap dengan perancangan bersepadu dari segi fizikal, ekonomi dan sosial bagi menghasilkan kesan yang positif kepada penduduk dan pembangunan daerah yang mampan.

Kawasan	Keluasan	Peratus (%)
Majlis Perbandaran Muar	137,571,900	58.13 %
Majlis Daerah Tangkak	13,562,000	5.73 %
Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan Daerah Muar	85,546,290	36.14 %

Tahun	Penduduk	Kadar Pertumbuhan Penduduk Tahunan (2000 – 2015)
2000	330,355	1.29 %
2015	400,279	1.50%


Konsep Pembangunan Daerah Muar



Konsep dan Strategi Pembangunan



Strategi Pembangunan Daerah Muar



Kawasan Pembangunan	Kawasan Pembangunan Terkawal	Tumpuan Pemeliharaan
Terdiri daripada kawasan :	Terdiri daripada kawasan :	Terdiri daripada kawasan :
Kawasan hutan	Tanah pertanian subur kelas 2	Had Pembangunan
Kawasan ketinggian lebih 150 m.	Pesisir pantai 1 km	Tanah kurang subur (kelas 3, 4 dan 5)
Kawasan tanaman padi	Perkampungan	Koridor pembangunan utama
Kawasan tanaman buah-buahan	Pembangunan ditetapkan	Koridor pembangunan sokongan
Kawasan tanaman nenas	Kawasan tanaman nenas	
Kawasan tanaman herbal	Kawasan tepubina	
Cadangan kelapa sawit	Kawasan akuakultur	

- Kawasan yang menjadi tumpuan pembangunan (dalam kawasan had pembangunan).
- Pengkalan kawasan pertanian di luar kawasan had pembangunan.
- Perluasan kawasan had pembangunan – Bandar Maharani, Bukit Bakri, Bukit Gambir, Bukit Pasir, Parit Jawa dan Serom.
- Pengurangan kawasan had pembangunan – Bandar Tangkak.

HIERARKI BANDAR


- Menaik taraf hierarki bandar kepada Pusat Petempatan Kecil – Pekan Rawang dan Pagoh Jaya.
- Mewujudkan pusat kejiranan – Kesang, Parit Bakar, Seri Menanti dan Pekan Baru.

Perubahan Komposisi Gunatanah Utama, 2002 -2015

GUNA TANAH	SEMASA 2002	CADANGAN 2015	PERUBAHAN (+/-)
Kediaman	6048.120	14330.540	+8,282.420
Perindustrian	1031.690	1209.606	+177.920
Perniagaan	523.376	1203.747	+680.370
Pertanian	166,366.020	156,772.730	-9,593.290

MAJLIS PERBANDARAN MUAR (MPM)

Tumpuan pembangunan di kawasan had pembangunan Bandar Maharani, Bukit Bakri, Bukit Pasir, Parit Jawa, Semerah, Pagoh, Panchor, Lenga dan Bukit Kepong.




Perluasan kawasan had pembangunan Bandar Maharani, Bukit Bakri, Bukit Pasir dan Parit Jawa.

Bandar Maharani – kawasan pelancongan Bandar Warisan.

CADANGAN UTAMA :

- Penambahan dan pembaikan mercu tanda serta imej semasa
- Penentuan kawasan pemuliharaan bangunan warisan – Bandar Maharani
- Penambahan landskap dan perabot jalan di laluan utama



Pengekalan kawasan perkampungan dan kawasan di luar had pembangunan sebagai kawasan pertanian.

Kawasan pemeliharaan-Hutan Simpan Gunung Ma'okil, Ayer Hitam, Ayer Hitam Utara dan Jorak.

Kawasan industri utama – Muar Integrated Furniture City di Bukit Bakri, Pagoh, Parit Jamil dan pengekalan kawasan industri sedia ada di Tanjung Agas.

- Kawasan Industri Bukit Bakri iaitu 'Muar Integrated Furniture Town'
- Kawasan Industri Tanjung Agas
- Kawasan Industri Simpang Jeram
- Kawasan Industri Bukit Pasing
- Kawasan Industri Sg. Terap
- Kawasan Industri Parit Jamil
- Kawasan Industri Pagoh
- Kawasan Industri Bukit Kepong
- Kawasan Industri Parit Jawa
- Kawasan Industri Parit Jamil
- Kawasan Industri Desa Kesang
- Kawasan Industri Desa Parit Bakar
- Kawasan Industri Desa Sg. Balang

Kawasan dari Parit Jawa hingga Sungai Balang sebagai kawasan akuakultur.




Bandar Muar

MAJLIS DAERAH TANGKAK

Kawasan tumpuan pembangunan di kawasan had pembangunan bandar Tangkak, Bukit Gambir, Pekan Rawang, Sungai Mati, Serom, Gerisek, Kundang Ulu, Bukit Kangkar, Sagil dan Kebun Bahru.

Kawasan Pentadbiran Majlis Daerah Tangkak



Perluasan kawasan had pembangunan Bukit Gambir dan Serom.

Had pembangunabn bandar tangkak dikurangkan.

Bandar Tangkak – Pusat tekstil utama

Pengekalan kawasan perkampungan dan kawasan di luar had pembangunan sebagai kawasan pertanian.


Kawasan industri utama - Tangkak

- Kawasan Industri Tangkak
- Kawasan Industri Sagil
- Kawasan Industri Gerisek
- Kawasan Industri Desa Serom
- Kawasan Industri Desa Sg. Mati

Kawasan Cadangan PBPT Daerah Muar

- Pengekalan kawasan perkampungan dan pertanian.
- Pengekalan dan pemulihan kawasan hutan simpan Gunung Ledang.
- Gunung Ledang sebagai kawasan eko pelancongan dan rekreasi utama.

Kawasan Cadangan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan Daerah Muar



Cadangan Pembangunan Petempatan Desa

Cadangan Utama:

Aspek Ekonomi

- Dapat dipertingkatkan dengan memajukan sektor pertanian, industri desa dan pelancongan.
- Tidak terlalu bergantung kepada tanaman utama (kelapa sawit & getah) sahaja malah tanaman dusun buah-buahan & tanaman selingan (pisang & ubi kayu)
- Cadangan bagi meningkat & mengembangkan industri desa :
 - Peningkatan teknologi pembuatan
 - Pemasaran efektif – bantuan FAMA
 - Latihan untuk pekerja
 - Pengawasan mutu produk


Aspek Fizikal

- Kemudahan Asas
 - Cadangan peningkatan kemudahan air bersih & elektrik bagi kawasan yang belum menerimanya.
 - Cadangan setiap rumah mempunyai tangki air sendiri.
- Kemudahan Masyarakat
 - Sebanyak 13 dari 17 mukim memerlukan tambahan balai raya & surau.

Aspek Sosial

- Program pembangunan insan luar bandar.
- Program bagi golongan wanita, pesara dan pelajar sekolah.

Peta Cadangan Pembangunan Desa




Cadangan Pembangunan Perindustrian

Cadangan Utama :

- Pengkalan kawasan industri terancang sedia ada.
- Mencadangkan zon perindustrian berasaskan aktiviti semasa.
- Muar Integrated Furniture Town sebagai kawasan industri perabot utama Daerah Muar.

Perkara	2002	2005	2010	2015	Jumlah (Ha)
A. Keluasan tanah industri	422.26	422.26	460.18	524.61	1829.31
B. Pertambahan tanah industri		13.93	23.99	64.43	102.35
C. Lebihan kawasan industri yang belum diduduki		73.64			73.64
D. Luas industri komited		224.02	224.02	224.02	373.37
E. Luas industri komited (dasar)		97.13	97.13	97.13	323.75
F. Keperluan tambahan kawasan		97.13	-297.16	-256.72	651.01

Peta Cadangan Pembangunan Perindustrian




Cadangan Pembangunan Perumahan

Cadangan Utama :

- Cadangan perumahan lebih tertumpu di dalam kawasan had pembangunan.
- Bagi kawasan di luar had pembangunan, tetapi di koridor yang berpotensi, lapisan lot pertama dan kedua adalah dibenarkan (Koridor Bandar Maharani-Parit Bakar, Bukit Kangkar-Tangkak, Sungai Mati-Bukit Kangkar).
- Unjuran perumahan adalah berdasarkan unjuran penduduk, perumahan semasa dan komited.
- Perumahan kampung di luar had pembangunan adalah dikekalkan.
- Menggalakkan perumahan berskala besar bagi mengelak pengecualian penyediaan kemudahan.

DENSITI PERUMAHAN	UNIT
Densiti Tinggi	> 40 unit / ekar
Densiti Sederhana Tinggi	26-400 unit / ekar
Densiti Sederhana	8 - 25 unit / ekar
Densiti Rendah	<8 unit / ekar

Peta Cadangan Pembangunan Perumahan



INFRASTRUKTUR DAN UTILITI

CADANGAN UTAMA :

Pengurusan Sisa Pepejal

- Tapak pelupusan sisa pepejal di Bukit Bakri - akan dirizabkan sebagai kawasan rekreasi setelah tempoh jangka hayatnya tamat (2004).
- Satu tapak pelupusan sisa pepejal yang baru dicadangkan di Sengkang, Pagoh.

Bekalan Air

- Unjuran penggunaan air menunjukkan 141,604 m³ diperlukan pada tahun 2015. Bekalan air adalah mencukupi untuk digunakan sehingga tahun 2015.

Bekalan Elektrik

- Unjuran bebanan elektrik menunjukkan penggunaan pada tahun 2015 adalah dalam lingkungan 178 MW dan mencukupi sehingga tahun 2015.

Sistem Pembetungan

- Pihak IWK telah mengenal pasti dan menetapkan 14 kawasan tadahan di KRTD bagi menampung air kumbahan yang dijanakan.

Perkhidmatan Telekomunikasi


- 16 ibusawat mampu menampung sehingga 90,725 talian berbanding penggunaan semasa sebanyak 67,536 talian.
- Ibusawat sedia ada akan dinaik taraf dengan penambahan minimum sebanyak 23,153 talian untuk menampung keperluan pada tahun 2015.

Pengairan Dan Saliran

- Mengawal selia sistem pengairan sedia ada khususnya untuk tanaman padi dan perparitan di kawasan pertanian.

Pembangunan Pusat Petempatan Utama

- Pusat Bandar Maharani
- Pekan Bukit Bakri
- Pusat bandar Tangkak
- Pekan Sungai Mati
- Pekan Parit Jawa
- Pekan Pagoh
- Pekan Bukit Kepong
- Pekan Bukit Gambir
- Pekan Gerisek



DAERAH BATU PAHAT DALAM KONTEKS RANCANGAN STRUKTUR NEGERI JOHOR

Halatuju Pembangunan Daerah Batu Pahat

"Pembangunan Daerah Batu Pahat sebagai Pusat Perindustrian Kluster Tekstil dan Sumber Pertanian Moden dan Terancang dengan sokongan aktiviti pelancongan, perdagangan dan perkhidmatan serta infrastruktur dan utiliti yang berkualiti".

Peranan Dan Penekanan Pembangunan

Daerah Batu Pahat di jangka akan mempunyai penduduk seramai 466,106 orang dengan KDNK per kapita sebanyak RM 18,141 pada tahun 2020.

Petunjuk penduduk dan KDNK Daerah Batu Pahat-2020

Perkara	Tahun		
	2000	2010	2020
Unjuran Penduduk	353,129	412,469	466,106
Unjuran Gunatenaga	138,634	169,533	201,125
Unjuran KDNK Perkapita	RM11,037	RM14,122	RM18,141

Pembangunan Perbandaran Dan Petempatan Utama

Pusat perbandaran dan petempatan utama di Daerah Batu Pahat merangkumi Bandar Penggaram, Yong Peng, Ayer Hitam, Parit Raja, Parit sulung dan Rengit.

Cadangan Herarki Pusat Petempatan Daerah Batu Pahat, 2020

Hierarki Pusat Petempatan	Pusat Petempatan
Pusat Wilayah Negeri	Bandar Penggaram
Pusat Separa Wilayah Negeri	Yong Peng, Ayer Hitam dan Parit Raja
Pusat Penempatan Utama	Parit Sulung dan Renggit
Pusat Penempatan Kecil	Semerah, Lam Lee, Sri Medan, Parit Yaani, Kangkar Baru, Sri Gading Tongkak Pechah dan Senggarang

Pembangunan di Daerah Batu Pahat di jangkakan akan berkembang dengan pesat dengan sokongan projek-projek pembangunan komited seperti berikut:

- Pembangunan Bandar Baru Ayer Hitam (15.61 hektar)
- Yong Peng River Estate (600.15hektar)
- Bandar Putra Indah (521.25hektar)

- Taman Perindustrian SEDC Sri Gading (130 hektar)
- Pembangunan Perumahan (147.35hektar)
- Pembangunan Bercampur di (144.50hektar)
- Pembangunan Bandar Baru Sri Gading (3,4436.84 hektar)

Pembangunan Perindustrian

- Kawasan Perindustrian Utama di Daerah Batu Pahat adalah tertumpu di kawasan perindustrian Bandar Penggaram, Pekan Sri wangi, Parit Sulong, Ayer Hitam dan Yong Peng.
- Pembangunan perindustrian menekankan jenis industri tekstil, pakaian dan galian bukan logam khususnya produk tanah liat dan seramik.

Pembangunan Pelancongan

Pembangunan pelancongan di Daerah Batu Pahat menekankan pembangunan pelancongan berteraskan kebudayaan dan makanan bagi menarik pelancongan di daerah ini adalah merangkumi pelancongan berdasarkan kepada warisan, mercu tanda, pantai, rekreasi pasif, makanan dan pelancongan agro.

Tarikan Pelancongan di Daerah Batu Pahat

Perkara	Keutamaan Produk Pelancongan
Mercu Tanda	Tembikar Ayer Hitam
Warisan	Bangunan Kelab Melayu, Bukit Bendera, Bangunan Persatuan Sejarah, Ibu Pejabat Polis, Kuil Po Thor Sze, Bangunan Chinese Chamber Of Commerce, Pelabuhan Lama
Rekreasi	Tasik Y, Hutan Rekreasi Soga Perdana, Tmn Tema Air Bukit Pasir, Golf
Pelancongan Agro	Pusat Akultur (Arowana). Kg.Kangkar Merlimau, Ayer Hitam Animal Husbandry, Kg. Parit Kuari 2
Makanan	Nasi Beriani di Jalan Sulit, Asam Pedas di Jalan Shahbandar, Medan Selera Perserai, Foo Chiew Cuisine di Yong Peng.

DATA ASAS RANCANGAN TEMPATAN DAERAH BATU PAHAT, 2020

PROFIL DAERAH

Keluasan Daerah : 187,702 hektar
: 9.88 % dari keluasan Negeri Johor

Bilangan Mukim : 14 Mukim

Keluasan Mukim (187,702 hektar)

Lubok : 4,143.99 hektar
Bagan : 3,885.99 hektar
Peserai : 1,812 hektar
Simpang Kanan : 12,432.07 hektar
Simpang Kiri : 9,842.06 hektar
Linau : 10,101.06 hektar
Tanjung Sembrong : 34,447.21 hektar
Sri Gading : 19,166.12 hektar
Minyak Beku : 12,432.08 hektar
Kampung Bahru : 67,34.04 hektar
Sungai Punggor : 8,806.05 hektar
Sungai Kluang : 9,842.06 hektar
Chaah Bahru : 30,562.79 hektar
Seri Medan : 23,051.14 hektar

Blok Perancangan RTD Batu Pahat

BP 1 - Bandar Penggaram : 638.52 hektar
BP 2 - Minyak Beku : 1,809.26 hektar
BP 3 - Jalan Kluang : 719.46 hektar
BP 4 - Parit Besar : 5,319.06 hektar
BP 5 - Parit Bilal : 1,749.24 hektar
BP 6 - Peserai : 825.48 hektar
BP7 - Tanjung labuh : 2,886.64 hektar
BP 8 - Tongkang Pecah : 662.69 hektar
BP 9 - Parit Raja : 1,957.75 hektar
BP 10 - Rengit : 647.00 hektar
BP 11 - Senggarang : 171.71 hektar
BP 12 - Semerah : 168.95 hektar
BP 13 - Sungai Ayam : 3,230.82 hektar
BP 14 - Persisir Sg. Batu Pahat : 4,475.10 hektar
BP 15 - Sungai Punggor : 17,358.93 hektar
BP 16 - Kampung Bahru : 17,358.93 hektar
BP 17 - Simpang Kanan : 5,661.36 hektar
BP 18 - Linau : 15,973.03 hektar
BP 19 - Simpang Kiri : 19,911.69 hektar
BP 20 - Persisir Pantai Batu Pahat : 6,936.95 hektar

YP 1 - Bandar Yong Peng : 748.14 hektar
YP 2 - Parit Awang : 1,982.28 hektar
YP 3 - Ayer Hitam : 1,607.31 hektar
YP 4 - Parit Sulong : 568.05 hektar
YP 5 - Seri Medan : 187.48 hektar
YP 6 - Parit Yaani : 103.58 hektar

YP7 - Lam Lee	:	249.95 hektar
YP 8 - Kangkar Bharu	:	227.45 hektar
YP 9 - Merlimau	:	3,553.42 hektar
YP 10 - Bukit Belah	:	898.49 hektar
YP 11 - Seri Wangi	:	2,956.53 hektar
YP 12 - Olak Batu	:	2,189.28 hektar
YP 13 - Ladang Yong Peng	:	3,154.85 hektar
YP 14 - Ladang Union	:	3,421.33 hektar

Kawasan PBT	:	Luas (Hektar)
Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP)	:	108,889.17
Majlis Daerah Yong Peng (MDYP)	:	20,831.83
PBPT Daerah Batu Pahat	:	63,079.00

PENDUDUK

Jumlah Penduduk Tahun 2000	:	336,509 orang
Unjuran Penduduk Tahun 2020	:	466,106 orang
Unjuran Gunatena	:	201,125 orang
		Tahun 2020
Unjuran KDNK PerKapita	:	RM 18,141
		Tahun 2020

Penduduk Mengikut Kumpulan Umur Tahun 2000

Umur 14 Thn Ke Bwh	:	108,909 orang
Umur 15 – 64 Tahun	:	199,654 orang
Umur 65 Ke Atas	:	19,577 orang
Kadar Pertumbuhan	:	1.55%
Kadar Perbandaran	:	48.80%

GUNATANAH SEMASA

Kediaman	:	6444.52 hektar
Industri	:	918.63 hektar
Perdagangan/Perniagaan	:	330.82 hektar
Institusi/Kem. Masyarakat	:	1387.88 hektar
Tanah Lapang/Rekreasi	:	1266.84 hektar
Infrastruktur/Utiliti	:	1378.61 hektar
Pertanian/Penternakan/ Akuakultur	:	156070.66 hektar
Pengangkutan/Jalan	:	2339.61 hektar
Badan Air / Pantai	:	2887.09 hektar
Semak Belukar/ Tanah Kosong	:	4126.79 hektar
Hutan Simpan Kekal	:	10550.55 hektar

PEMBANGUNAN KOMITED

Kediaman	:	2,236.20 hektar
Pembangunan Bercampur	:	8,836.21 hektar
Industri	:	103.20 hektar
Institusi/Kem. Masyarakat	:	195.56 hektar
Perdagangan	:	391.75 hektar
Pertanian	:	4,582.26 hektar

KEMUDAHAN AWAM

Pendidikan

Sekolah Rendah	:	37 buah
----------------	---	---------

Sekolah Rendah Agama	:	15 buah
Sekolah Menengah	:	19 buah
Tadika	:	7 buah

Kesihatan

Hospital	:	1 buah
Klinik Kesihatan	:	9 buah
Klinik Desa	:	6 buah

Keselamatan

Pondok Polis	:	1 buah
Balai Polis	:	7 buah
Balai Bomba	:	5 buah

Keagamaan

Surau	:	39 buah
Masjid	:	15 buah

Sukan/Rekreasi

Dewan	:	6 buah
Balai raya	:	3 buah
Kompleks Sukan	:	1 buah

Tanah Perkuburan (Hektar)

Islam	:	35.31 hektar
Cina	:	10.95 hektar
Hindu	:	2.04 hektar

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH BATU PAHAT, 2020

Kawasan RTD Batu Pahat meliputi keluasan 187,702 ha yang merangkumi :

- Majlis Perbandaran Batu Pahat
- Majlis Daerah Yong Peng
- Pihak Berkuasa Perancang Tempatan

Penduduk tahun 2000	:	336,509
Nisbah Penduduk Bandar	:	0.62
Nisbah pekerjaan per penduduk	:	0.403

Unjuran 2020

Penduduk tahun 2020	:	446,106
Nisbah Penduduk Bandar	:	0.75
Nisbah pekerjaan per penduduk	:	0.423

Jumlah Penduduk (orang)				
2000	2005	2010	2015	2020
336,509	363,413	393,885	428,072	466,106

Arah Tujuan Pembangunan

Membangunkan Daerah Batu Pahat sebagai kawasan perindustrian kluster tekstil dan sumber agro yang terancang, bersih dan selamat serta dipelbagaikan dengan aktiviti pelancongan dan perkhidmatan yang lain, disokong dengan pusat-pusat pertumbuhan berdaya maju serta berdaya saing, indah, efisien dan berteknologi sesuai

serta meningkatkan aktiviti ekonomi dan taraf perkhidmatan kawasan-kawasan desa yang bersepadu dengan pembangunan kesihatan dan sosial berteraskan nilai hidup budaya tempatan.

Wawasan Pembangunan

- Membangunkan Daerah Batu Pahat sebagai kawasan industri berasaskan tekstil yang terancang bersih dan selamat.
- Membangunkan Pelancongan berasaskan rekreasi berorientasikan keluarga dan mempunyai hubungan dengan daerah bersempadanan seperti Kluang, Pontian dan Muar.
- Memelihara kawasan pertanian subur kelas 2 dan 3 untuk aktiviti pertanian komersial moden dan berproduktiviti tinggi.
- Membangunkan pusat-pusat pertumbuhan yang berdaya maju, indah efisien dan membangun berdasarkan hierarki yang telah diselaraskan.
- Meningkatkan aktiviti ekonomi dan taraf perkhidmatan kawasan-kawasan desa dengan membangunkan sistem pelancongan dan pengangkutan antara wilayah dan rangkaian sistem pengangkutan luar bandar yang efisien.

Konsep Pembangunan

Kawasan Tumpuan Pembangunan

- Had Pembangunan
- Penempatan Semula dan Baru Industri
- Pembangunan Bandar
- Tapak, Laluan dan Zon Pelancongan
- Kawasan Rekreasi dan Peningkatan Landskap

Kawasan Pembangunan Terkawal


- Tanah Pertanian Subur (Kelas 2 dan 3)
- Persisir Pantai 1 km
- Projek Pertanian Ditetapkan
- Tapak Warisan
- Perkampungan Tradisi, Budaya dan Nelayan
- Kawasan Tepubina Sedia Ada dan Ditetapkan
- Kawasan Rekreasi Bandar
- Kawasan Kawalan Takat Air Pengambilan Air
- Lembangan Sungai

Kawasan Pemeliharaan


- Tadahan Air (Tasek Semberong)
- Empangan (Bekok) dan Kawasan Berair
- Sungai Utama
- Hutan
- Pantai Awam
- Kawasan ketinggian melebihi 130 meter
- Kawasan Landskap Semulajadi
- Kawasan Tanaman Padi
- Kawasan Akuakultur



Konsep Pembangunan



Pelan Gunatanah Cadangan Tahun 2020



PETUNJUK		PETUNJUK	
GUNATANAH	LUAS (HEKTAR)	GUNATANAH	LUAS (HEKTAR)
KEDIRAMAN		INFRASTRUKTUR DAN UTILITY	
Sedia Ada	6,444,520	Pencawang Masuk Utama	
Pembangunan Ditetapkan	2,726,840	Rerete TNB	
Cadangan Berdasarkan Unjuran 2020	435,390	Pengaliran dan Saliran	
Potensi Pembangunan	12,159,830	Telekomunikasi	
Jumlah Kecil	22,766,580	Tapak Pelupusan Sisa	
INDUSTRI		Pembertungan	
Sedia Ada	910,630	Cadangan Tapak Pelupusan Sisa	
Pembangunan Ditetapkan	617,260	Cadangan Loji Rawatan Kumbatan	
Potensi Pembangunan	754,677	Jumlah Kecil	2,556,403
Jumlah Kecil	2,280,567	PERTANIAN	
PERKHIDMATAN DAN PERKHIDMATAN		Getah	19,004,160
Sedia Ada	330,691	Kelapa Sawit	69,123,330
Pembangunan Ditetapkan	652,370	Padi	295,560
Cadangan Berdasarkan Unjuran	62,890	Tanaman-tanaman lain	28,164,850
Potensi Pembangunan	564,736	Penternakan	71,860
Jumlah Kecil	1,610,987	Akuakultur	1,708,120
INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT		Tanah Terbitar	20,716,562
Pendidikan	504,540	Jumlah Kecil	129,114,492
Kesihatan	37,420	HUTAN	
Keagamaan	127,960	Hutan Darat	5,878,718
Keselamatan	20,860	Hutan Paya Laut	469,011
Rumah Kebajikan	0,69	Jumlah Kecil	6,337,729
Kegunaan Kerajaan	474,350	BADAN AIR	
Perkuburan	177,630	Semudjadi (sungai, task, p, dan la)	3,802,950
Lain-lain Kemudahan Masyarakat	45,030	Suapan (belas lombong, task, rekreasi dan task empangan)	965,140
Pembangunan Ditetapkan	185,050	Jumlah Kecil	2,867,992
Cadangan Unjuran 2020	359,330	TANAH KOSONG	
Jumlah Kecil	2,241,920	Pantai Bukan Rekreasi	1,565,470
TANAH LAPANG		Sekitar Badan Air	1,274,276
Sedia Ada	342,700	Jumlah Kecil	2,839,746
Ditetapkan/ Cadangan	140,200	SEMPADAN-SEMPADAN	
KEMUDAHAN SUKAN REKREASI		Sempadan Mukim	
Sedia Ada	8,140	Sempadan Blok Perancangan	
Ditetapkan/ Cadangan	934,290	Had Pembangunan	
Pantai	296,850		
Jumlah Kecil	1,721,980		
PENGIANGKUTAN			
Jalan Utama			
Lebuhraya Utara-Selatan			
Cadangan Jalan Baru			
Cadangan Perimpangan Bertingkat			
Cadangan Perimpangan Baru			
Cadangan Menaklarkan Perimpangan			
Cadangan Laluan ERL			
Cadangan Jambatan Baru			
Jumlah Kecil	3,232,424		
JENIS KESELURUHAN KAWASAN RTD		Jumlah Kecil	187,702,000 HEKTAR/100.00

STRATEGI PUSAT PERTUMBUHAN

Peta Cadangan Majlis Perbandaran Batu Pahat

Tumpuan Pembangunan Kawasan Had Pembangunan

- Menaik taraf hierarki bandar-bandar terpilih :
 - o Pusat Separa Wilayah - Parit Raja, Ayer Hitam
 - o Pusat Petempatan Utama – Rengit, Parit Sulong
 - o Lain-lain Bandar – dikekalkan seperti hierarki asal.

- Meluaskan 5 kawasan Had Pembangunan
 - o Penggaram
 - o Parit raja
 - o Rengit
 - o Parit Sulong
 - o Seri Medan

Mewujudkan Pusat-pusat Kejiranan di dalam Kawasan had Pembangunan.

Pengekalan Kawasan-kawasan pertanian di luar kawasan Had Pembangunan.

Perubahan Komposisi Gunatanah 2002 – 2020

Gunatanah	Semasa 2002	Cadangan 2020		Perubahan (+/-)
		Unjuran	Potensi	
Kediaman Terancang	1,272.520	1,435	12,159	13,594
Perindustrian	918.630	-	754	754
Perniagaan	330.991	62	564	626
Pertanian Tanah	156,070.660	139,114		-16,956
Kosong	619.350	-		-619

Peta Cadangan Majlis Daerah Yong Peng

Kawasan tumpuan pembangunan adalah dalam kawasan Had Pembangunan YP1 hingga YP8.

Terdapat 4 pecahan kluster industri di Yong Peng :

- Kawasan Perindustrian Ayer Hitam (YP3-4)
- Kawasan Perindustrian Jalan Ayer Hitam – Yong Peng (YP2-4 dan YP2-5)
- Kawasan Perindustrian Kota Yong Peng (YP2-1)
- Kawasan Perindustrian Seri Wangi (YP10)

KSAS di Yong Peng adalah disekitar BP Merlimau terutamanya di BPK YP9 – 2 dan YP 9-3.

Peta Cadangan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan

Kawasan tadbir PBPT Daerah Batu Pahat merangkumi kawasan seluas 65,923.27 ha atau 35.12 % daripada keluasan Daerah Batu Pahat.

4 Blok Perancangan iaitu :

- PD1 - Ayer Putih
- PD2 - Chaah Baru
- PD3 - Paloh
- PD4 - Tanjung Semberong

Cadangan imej bandar Dengan Tema Tersendiri

- Pusat Bandar Batu Pahat
- Pusat bandar Yong Peng
- Pusat bandar Parit Raja dan Senggarang
- Pusat bandar Rengit dan Semerah
- Pusat bandar Ayer Hitam dan Parit Yaani
- Pusat bandar Seri medan dan Parit Sulong
- Pusat Bandar Lam Lee dan Kangkar baru

Kawasan Industri

- Pembangunan Ekonomi Pertanian dan Industri Luar bandar

Galakan Pelancongan Daerah Batu Pahat
Galakan Pelancongan Majlis Perbandaran Batu Pahat (ada 2)
Galakan Pelancongan Majlis Daerah Yong Peng
Kawasan Perumahan Daerah Batu Pahat
Kawasan Rekreasi Daerah Batu Pahat
Kawasan Rekreasi Majlis Perbandaran Batu Pahat (ada 2)
Kawasan Rekreasi Majlis Daerah Yong Peng
Kawasan Landskap Daerah Batu Pahat
Pengangkutan dan Lalulintas
KSAS
Pembangunan Kawasan Petempatan Desa Daerah Batu Pahat
Infrastruktur dan utiliti Daerah Batu Pahat.

DAERAH KLUANG DALAM KONTEKS RANCANGAN STRUKTUR NEGERI JOHOR

Halatuju Pembangunan Daerah Kluang

"Pembangunan Daerah Kluang sebagai pusat industri pembuatan, perkayuan dan barang binaan logam, pusat pertanian makanan moden dan terancang dengan sokongan aktiviti perdagangan dan perkhidmatan pelancongan semulajadi, infrastruktur dan utiliti yang berkualiti".

Peranan Dan Penekanan Pembangunan

Daerah Kluang di jangka akan mempunyai penduduk sebanyak 363,270 orang dengan KDNK perkapita sebanyak RM22,511 pada tahun 2020.

Petunjuk Penduduk dan KDNK Daerah Kluang, 2000-2020

Perkara	Tahun		
	2000	2010	2020
Unjuran Penduduk	272,169	319,629	363,270
Unjuran Gunatenaga	116,260	137,467	169,251
Unjuran KDNK Perkapita	RM18,442	RM22,294	RM22,511

Pembangunan Perbandaran Dan Petempatan Utama

Kawasan Pusat penempatan utama Di Daerah Kluang adalah merangkumi Bandar Kluang, Chamek, Kahang, Paloh, Layang-layang, Machap, Renggam, Simpang Renggam, Sungai Sayong dan Ulu Benut.

Cadangan Herarki Pusat Petempatan Daerah Kluang 2020

Hierarki Pusat Petempatan	Pusat Petempatan
Pusat Separa Wilayah Negeri	Kluang
Pusat Petempatan Utama	Simpang Rengam
Pusat Petempatan Kecil	Paloh Machap
Pusat Wilayah Negeri	Renggam, Ulu Benut, Sungai Sayong, Kangkar Kahang, Layang-Layang, Sri Lalang dan Kg.Paya.

Pembangunan Daerah Kluang di jangka akan Berkembang dengan pesat dengan sokongan projek-projek pembangunan komited seperti berikut:

- Pembangunan Industri Kluang (883.36hektar)
- Pembangunan Industri di Ulu Benut (90.77 hektar)
- Pembangunan Kompleks Penjara Kluang (190.20 hektar)
- Pembangunan Perumahan Ladang Lambak (343.0 hektar)
- Pembangunan Perumahan (729.26 hektar)

Pembangunan Perindustrian

Kawasan Perindustrian utama di Daerah Kluang adalah tertumpu di kawasan perindustrian Kluang, Paloh, Renggam, Simpang Renggam, Machap, Kahang, Ulu Benut, Layang-Layang.

Pembangunan Perindustrian akan menekankan jenis Industri Perkayuan dan Fabrikasi Logam dan Kejenteraan. Perindustrian sokongan adalah terdiri dari industri pembuatan makanan dan minuman, pengeluaran kertas dan cetakan, pakaian, kain dan barangan kulit, keluaran kelapa sawit dan keluaran kimia.

Pembangunan Pelancongan

Pembangunan pelancongan Daerah Kluang adalah menekankan kepada pelancongan agro-tourism dan dusun-dusun.



Bandar Kluang

Tarikan Pelancongan di Daerah Kluang

Perkara	Keutamaan Produk Pelancongan
Mercu Tanda	Stesen Keretapi Kluang
Warisan	Masjid Jamek Kluang, Gereja St.Louis, Stesen Keretapi & Warisan Bangunan Lama di Jalan Lambak.
Membeli-belah	Little India, Jalan Stesen.
Rekreasi	Taman Bandar Kluang, Taman Rekreasi Tasik Mardi, Tropical Village, Padang Hijau (Dairy Farm) dan Padang Golf.
Alam Semulajadi	Taman Rekreasi Gunung Lambak



Kluang Station

DATA-DATA ASAS RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KLUANG, 2020

PROFIL DAERAH

Keluasan Daerah : 285,164.32 hektar
: 15.01% dari keluasan Negeri Johor

Bilangan Mukim : 8 Mukim

Keluasan Mukim (285,164.32 hektar)

Paloh : 42,913.93 hektar
Nyior : 25,442.35 hektar
Kluang : 62,104.58 hektar
Renggam : 55,403.50 hektar
Machap : 11,789.27 hektar
Ulu Benut : 10,194.88 hektar
Layang-layang : 22,562.55 hektar
Kahang : 54,753.26 hektar

Blok Perancangan RTD Kluang

BP 1 - Paloh : 68356.28 hektar
BP 2 - Kluang : 62104.58 hektar
BP 3 - Renggam : 50559.41 hektar
BP 4 - Simpang Renggam : 29964.96 hektar
BP 5 - Layang-layang : 19425.84 hektar
BP 6 - Kahang : 54753.26 hektar

Luas Kaw PBT/ : Luas (Hektar)
Majlis Perbandaran Kluang : 12,657 hektar
Majlis Daerah Simpang Renggam : 12,857 hektar
Kawasan PBPT Daerah Kluang : 159,374 hektar

PENDUDUK

Jumlah Penduduk Tahun 2000 : 255,601 orang
Unjuran Penduduk Tahun 2020 : 363,270.00 orang
Unjuran Gunatenaga : 169,251 orang
Tahun 2020
Unjuran KDNK PerKapita : RM 22,511
Tahun 2020

Penduduk Mengikut Kumpulan Umur Tahun 2000

Umur 14 Tahun Ke Bawah : 42,693 orang
Umur 15 – 64 Tahun : 55,768 orang
Umur 65 Ke Atas : 17,330 orang

Kadar Pertumbuhan : 1.48%
Kadar Perbandaran : 59.16%

GUNATANAH SEMASA

Kediaman : 5082.37 hektar
Industri : 639.37 hektar
Perdagangan/Perniagaan : 20724 hektar
Institusi/Kem. Masyarakat : 1414.01 hektar
Tanah Lapang/Rekreasi : 249.8 hektar

Infrastruktur/Utiliti	:	750.61 hektar
Pertanian/Penternakan/ Akuakultur	:	23,1692.29 hektar
Pengangkutan/Jalan	:	4,808.77 hektar
Badan Air / Pantai	:	1,633.6 hektar
Hutan Simpan Kekal	:	
Semak Belukar/ Tanah Kosong	:	38,685.96 hektar

PEMBANGUNAN KOMITED

Kediaman	:	1,112.72 hektar
Pbgn. Bercampur	:	8,836.21 hektar
Industri	:	1,044.50 hektar
Institusi/Kem. Masyarakat	:	190.20 hektar
Perdagangan	:	391.75 hektar
Pertanian	:	4,582.26 hektar

KEMUDAHAN AWAM

Pendidikan

Universiti dan Kolej	:	2 buah
Sekolah Rendah	:	289 buah
Sekolah Menengah	:	145 buah
Tadika	:	237 buah

Kesihatan

Hospital	:	3 buah
----------	---	--------

Klinik Kesihatan	:	12 buah
Klinik Desa	:	35 buah

Keselamatan

Pondok Polis	:	2 buah
Balai Polis	:	17 buah
Pondok Polis	:	31 buah
Balai Bomba	:	7 buah

Keagamaan

Surau	:	200 buah
Masjid	:	64 buah
Rumah Berhala	:	142 buah
Kuil	:	27 buah
Gereja	:	10 buah

Sukan/Rekreasi

Stadium	:	1 buah
Taman Bandaran	:	1 buah

Tanah Perkuburan (Hektar)

Islam	:	115.91 hektar
Cina	:	35.93 hektar
Hindu	:	6.69 hektar
Kristian	:	2.46 hektar
Lain-lain	:	1.29 hektar

Wawasan RTD Kluang

